



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **SESI JELAJAH LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

**KOTA ISKANDAR, 11 Julai 2019** - Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah memulakan proses penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12). Sesi libat urus ke semua kerajaan negeri telah dimulakan pada 5 Julai 2019 lalu dan bertujuan untuk membentangkan hala tuju pembangunan negara, di samping mendapatkan pandangan dan cadangan mengenai hala tuju pembangunan di peringkat negeri yang akan diambil kira dan diperincikan dalam penyediaan RMKe-12. Perbincangan dengan kerajaan negeri akan dipengerusikan secara bersama oleh YAB Menteri Besar/Ketua Menteri dan YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi/Timbangan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Negeri Johor merupakan negeri kedua selepas Melaka bagi jelajah sesi libat urus antara MEA dengan kerajaan negeri. YAB Dato' Dr. Sahrudin Jamal, Menteri Besar Johor telah mempengerusikan sesi ini bersama YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Turut hadir ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB Dato' Haji Azmi Rohani, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor dan YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien, Ketua Setiausaha MEA serta ketua-ketua agensi dan jabatan di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Johor.

Dasar dan strategi RMKe-12 yang sedang disediakan akan diujarkannya dengan Kemakmuran Bersama yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei 2019. Konsep RMKe-12 dirangka berasaskan tiga dimensi, iaitu pemerikasaan ekonomi, kemampuan alam sekitar dan perikayaan sosial. Sehubungan dengan itu, bagi menjayakan rancangan pembangunan di peringkat negeri, perspektif nasional dan kemampuan atau kekuatan yang dimiliki oleh setiap negeri akan diberi perhatian.

Sebagai falsafah yang mendasari RMKe-12, prinsip Kemakmuran Bersama didukung sepenuhnya oleh MEA demi menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pengagihan kekayaan negara yang saksama serta meningkatkan kuasa beli rakyat, seterusnya mengangkat Malaysia sebagai kuasa ekonomi serantau.

Matlamat ini hanya akan tercapai melalui tiga objektif utama Kemakmuran Bersama iaitu:

- a. Merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasa untuk menangani ketidaksamaan;
- b. Membangunkan sebuah ekonomi yang terstruktur semula, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi melalui penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat; serta
- c. Membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Bagi memastikan maklum balas dari semua pemegang taruh diambil kira dalam penyediaan RMKe-12, Kerajaan mengambil pendekatan perancangan *top-down* dan *bottom-up* melalui penglibatan semua pihak termasuk sektor awam dan swasta, akademia, pemimpin masyarakat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), organisasi antarabangsa dan juga orang awam, di samping sesi libat urus bersama kerajaan negeri melalui sesi jelajah negeri seperti ini.

Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menyokong pertumbuhan ekonomi negara serta memastikan kesejahteraan dan kekayaan negara dapat dikongsi bersama oleh semua lapisan masyarakat.

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

11 Julai 2019